

# PBT perlu usaha tanah kosong elak setinggan

BH 30 MAY 2002

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu – Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hari ini diarah tidak membiarkan tanah kosong di kawasan masing-masing bagi menghindari diduduki setinggan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ia adalah salah satu langkah untuk menangani masalah berkaitan selain mengambil tindakan tegas walaupun dianggap kasar seperti merobohkan rumah setinggan.

Perdana Menteri berkata, langkah kerajaan itu untuk kebaikan semua termasuk setinggan sendiri seperti menyediakan rumah untuk mereka, tetapi ada pihak menjadikan tindakan itu sebagai isu politik.

“Masalah setinggan ini agak rumit untuk diatasi kerana kita perlu kadang-kadang bertindak yang dianggap agak kasar untuk merobohkan bangunan haram dan bangunan yang tidak sesuai.

“Tapi kalau kita tidak buat demikian, kawasan setinggan bertambah dan ia adalah satu ancaman ke-

pada kesihatan, kemungkinan ada terbakar dan sebagainya.

“Saya harap orang ramai faham kenapa kita perlu mengambil tindakan di atas kawasan setinggan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Kongres Sedunia Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Kongres tiga hari itu dihadiri wakil dari 33 negara anggota dan bukan anggota FIABCI.

Dr Mahathir mengulas ucapannya pada majlis itu yang antara lain beliau menyatakan, tindakan tegas perlu diambil untuk menangani setinggan di negara ini sungguhpun tidak ada siapa yang suka melihat golongan miskin atau yang kononnya miskin diusir dari rumah mereka walaupun ia usang dan kotor.

Perdana Menteri menjelaskan, jika kerajaan menutup satu kawasan setinggan, ia akan tumbuh di tempat lain.

“Itulah masalahnya. Nасihat saya kepada kerajaan

tempatan ialah mereka tidak seharusnya membiarkan mana-mana tanah itu kosong.

“Mana-mana tanah yang kosong, hendaklah dijalankan kegiatan di atasnya atau ditanam pokok, pohon yang rendah atau letakkan sesuatu di atas tanah itu supaya tidak diduduki orang,” katanya.

Masalahnya kata beliau, ada orang mempolitikkan isu merobohkan rumah setinggan dan apa yang dilakukan kerajaan untuk kebaikan semua termasuk setinggan sendiri dengan membina rumah bagi mereka di banyak tempat.

Bagaimanapun katanya, sudah tentu mereka tidak boleh mendapatkan rumah itu percuma “bukan kerana kerajaan tidak mampu tetapi mereka lebih suka memilih untuk duduk di rumah seumpama itu (setinggan) kerana tidak perlu bayar sewa dan kadang-kala mereka menyewakan rumah itu”.

Ditanya sama ada halangan utama menangani masalah setinggan ini kerana kelemahan penguatkuasaan undang-undang oleh PBT, beliau berkata,

orang ramai pula marah apabila undang-undang dikuatkuasakan.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata kegagalan memberihkan kawasan setinggan di bandar boleh menyebabkan masalah kesihatan yang serius, kebakaran, perbuatan melanggar undang-undang, dan sering kali juga rusuhan serta huru-hara.

Katanya, beliau hairan bagaimana perkampungan setinggan boleh menjadi besar dalam sekelip mata sehingga menyukarkan pihak berkuasa menguruskannya.

Perdana Menteri berkata, keadaan yang menjijikkan di kawasan penempatan yang kotor di bandar disebabkan penghijrahan dari luar bandar dan banjir pekerja asing.

“Cabaran bagi kerajaan, perancang bandar dan pemaju ialah menyediakan rumah dan persekitaran lebih baik khususnya kepada golongan miskin,” katanya.

Beliau berkata, mengikut Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), sebanyak 615,000 rumah akan dibina

312,000 unit oleh sektor awam dan baki 303,000 oleh sektor swasta.

Katanya, kerajaan terus menggalakkan pembinaan lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

“Tumpuan juga diberikan kepada rumah berkualiti bersama kemudahan infrastruktur yang diperlukan seperti untuk kegiatan sukan, rekreasi dan kebudayaan,” katanya.

Dr Mahathir berkata, kegiatan penyelidikan dan pembangunan berhubung pengeluaran bahan binaan lebih murah dan teknik pembinaan lebih baik akan digalakkan dengan tujuan meningkatkan mutu dan keselamatan rumah serta menjamin ia mampu dibeli.

Katanya, sektor hartanah juga melaksanakan agenda lain seperti memenuhi keperluan golongan tua dan kurang upaya serta menyediakan reka bentuk yang menjimatkan tenaga dan juga konsep bandar raya yang kehijauan selain memberi tumpuan kepada penyenggaraan bangunan tinggi.